

Bil. S 7

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PUSAT KAJIAN STRATEGIK DAN DASAR, 2006

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Pusat.
4. Meterai biasa.
5. Lembaga Pengarah.
6. Setiausaha Lembaga.
7. Pengerusi boleh mewakilkan tugas.
8. Tempoh jawatan ahli.
9. Pengerusi sementara.
10. Mesyuarat dan prosiding Lembaga.
11. Jawatankuasa.
12. Perwakilan kuasa.
13. Tugas-tugas dan kuasa-kuasa Pusat.
14. Kuasa untuk menerima pemberian.
15. Kuasa untuk meminjam dan melabur.
16. Lantikan, kuasa dan kewajipan Pengarah Eksekutif.
17. Perlindungan dari liabiliti diri.
18. Pegawai-pegawai dll. hendaklah dianggap kakitangan awam.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- 19.** Dana Pusat.
 - 20.** Penggunaan dana.
 - 21.** Bantuan.
 - 22.** Penyata akaun dan kewangan.
 - 23.** Pengauditan akaun.
 - 24.** Pengemukaan penyata kewangan beraudit dan laporan juruaudit kepada Menteri Kewangan.
 - 25.** Aturan-aturan.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PUSAT KAJIAN STRATEGIK DAN DASAR, 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pusat Kajian Strategik dan Dasar, 2006 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pusat Kajian Strategik dan Dasar dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Lembaga" bermakna Lembaga Pengarah Pusat;

"Pusat" bermakna Pusat Kajian Strategik dan Dasar yang ditubuhkan oleh bab 3;

"Pengerusi" bermakna Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah ceraian (2) bab 5;

"Pengarah Eksekutif" bermakna Pengarah Eksekutif Pusat yang dilantik di bawah bab 16;

"ahli" bermakna seseorang ahli Lembaga yang dilantik di bawah ceraian (2) bab 5;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi perlaksanaan Perintah ini.

Penubuhan Pusat.

3. Adalah dengan ini ditubuhkan sebuah pusat yang dipanggil Pusat Kajian Strategik dan Dasar (atau ringkasnya PKSD) yang akan menjadi suatu badan korporat yang kekal turun temurun dan mempunyai meterai biasa dan boleh, dengan nama itu —

(a) mendakwa dan didakwa;

(b) memperolehi, memiliki, memegang, memajukan atau melupuskan harta alih dan juga harta tak alih; dan

(c) melakukan semua perbuatan atau perkara lain yang boleh dilakukan secara sah oleh suatu badan korporat.

Meterai biasa.

4. (1) Pusat itu hendaklah mempunyai meterai biasa dan meterai tersebut boleh dari masa ke semasa ditukar, diubah atau dibuat semula sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pusat itu.

(2) Semua suratikatan dan dokumen lain yang menghendaki meterai Pusat itu hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Pusat itu.

(3) Semua suratcara yang dibubuh dengan meterai biasa hendaklah ditandatangani oleh mana-mana 2 orang ahli yang diberi kuasa pada amnya atau khasnya oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Lembaga boleh, dengan ketetapan atau pun selainnya secara bertulis, melantik seorang pegawai Pusat itu atau mana-mana orang lain sama ada pada amnya atau dalam sebarang hal tertentu untuk melaksanakan atau menandatangani bagi pihak Pusat itu sebarang perjanjian atau suratcara yang tidak dimeterai berkenaan dengan sebarang perkara di bawah kuasa Pusat itu.

(5) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman ke atas meterai biasa Pusat itu yang dibubuh pada mana-mana dokumen dan hendaklah menganggap bahawa meterai itu telah dibubuh dengan sempurna.

Lembaga Pengarah.

5. (1) Hendaklah diadakan Lembaga Pengarah Pusat itu, yang akan menjadi badan eksekutif Pusat itu, yang boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Pusat itu di bawah Perintah ini.

- (2) Lembaga hendaklah terdiri daripada —
- (a) seorang Pengerusi;
 - (b) seorang Timbalan Pengerusi; dan
 - (c) tidak lebih daripada 15 orang ahli lain,

yang kesemuanya akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Setiausaha Lembaga.

6. Pengarah Eksekutif adalah setiausaha Lembaga.

Pengerusi boleh mewakilkan tugas.

7. Pengerusi boleh memberi kuasa secara bertulis kepada Timbalan Pengerusi atau mana-mana ahli untuk menjalankan sebarang kuasa atau melaksanakan sebarang tugas atau kewajipan yang diberikan kepada Pengerusi oleh atau di bawah Perintah ini.

Tempoh jawatan ahli.

8. (1) Ahli-ahli hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh sehingga 3 tahun, melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengarahkan sebaliknya, dan layak untuk dilantik semula:

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh pada bila-bila masa membatalkan sebarang lantikan tersebut.

(2) Mana-mana ahli boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis bagi maksud itu yang ditujukan kepada Pengerusi, dan hendaklah terhenti daripada menjadi seorang ahli pada tarikh yang akan ditentukan oleh Pengerusi.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh pada bila-bila masa membatalkan lantikan mana-mana ahli sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Baginda bagi kepentingan perlaksanaan tugas-tugas Pusat itu secara berkesan di bawah Perintah ini, atau bagi kepentingan awam.

(4) Jika seseorang ahli mati atau meletakkan jawatan atau lantikannya dibatalkan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan boleh melantik mana-mana orang untuk mengisikan kekosongan bagi tempoh selebihnya ahli itu dilantik.

(5) Pusat itu hendaklah membayar kepada Pengerusi dan ahli-ahli lain, dari dana Pusat itu, gaji-gaji, bayaran-bayaran dan elaun-elaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pengerusi sementara.

9. Jika Pengerusi tidak berada di Negara Brunei Darussalam, atau kerana sebarang sebab lain tidak dapat melaksanakan tugas-tugasnya, Timbalan Pengerusi hendaklah bertindak sebagai Pengerusi sementara. Jika Timbalan Pengerusi tidak dapat bertindak sebagai Pengerusi sementara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik salah seorang daripada ahli-ahli untuk bertindak sebagai Pengerusi sementara.

Mesyuarat dan prosiding Lembaga.

10. (1) Pada mesyuarat Lembaga, separuh daripada ahli-ahli Lembaga yang dilantik itu hendaklah membentuk korum.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga dan, semasa ketiadaannya Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan.

(3) Mesyuarat Lembaga hendaklah diadakan pada masa-masa dan tempat-tempat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengerusi.

(4) Semua perkara yang berbangkit pada mana-mana mesyuarat hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi ahli-ahli yang hadir dan mengundi.

(5) Pada mana-mana mesyuarat Lembaga, Pengerusi atau, semasa ketiadaannya, Timbalan Pengerusi hendaklah mempunyai undi asal dan, sekiranya terdapat persamaan undi, dia hendaklah juga mempunyai undi pemutus.

(6) Kesahihan sebarang prosiding Lembaga tidak akan terjejas oleh sebarang kekosongan di antara ahli-ahlinya atau oleh sebarang kecacatan dalam lantikan mana-mana ahli.

(7) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh mengawalselia prosidingnya sendiri.

Jawatankuasa.

11. (1) Lembaga boleh, dari masa ke semasa, melantik jawatankuasa-jawatankuasa yang terdiri daripada seorang atau lebih (sama ada ahli atau bukan ahli) dan menentukan atau mengubah bidang tugas jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

(2) Bolehlah dibayar kepada tiap-tiap ahli suatu jawatankuasa dari dana Pusat itu elaun-elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun sara hidup, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga, tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan kawalan Lembaga, setiap jawatankuasa yang dilantik di bawah bab ini boleh mengawalselia prosedurnya mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

Perwakilan kuasa.

12. (1) Lembaga boleh, dari masa ke semasa, berkaitan dengan sesuatu perkara tertentu atau jenis perkara, secara bertulis, mewakilkan mana-mana kuasanya kepada seseorang ahli, suatu jawatankuasa Lembaga atau seseorang pegawai Pusat itu.

(2) Tiap-tiap ahli, jawatankuasa atau pegawai yang dikatakan bertindak menurut sesuatu perwakilan di bawah bab ini hendaklah, sekiranya bukti yang bertentangan tidak ada, dianggap sebagai bertindak menurut syarat-syarat perwakilan itu.

(3) Tiada perwakilan di bawah bab ini boleh menghalang perjalanan sebarang kuasa atau perlaksanaan sebarang tugas atau kewajipan oleh Lembaga.

Tugas-tugas dan kuasa-kuasa Pusat.

13. (1) Tugas-tugas Pusat itu hendaklah termasuk —

(a) pemajuan dan penyebaran pengetahuan dan penggalakan penyelidikan mengenai Negara Brunei Darussalam dan semua perkara yang berhubungan dengan kepentingan Negara Brunei Darussalam; dan

(b) pemberian dan penganugerahan diploma-diploma, sijil-sijil dan fellowship.

(2) Pusat itu hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa jua bagi tujuan melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini, atau yang bersampingan atau sesuai untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut, khususnya, boleh, —

- (a) melantik pegawai-pegawai, pekerja-pekerja, fellows, konsultan-konsultan atau ejen-ejen sebagaimana yang difikirkannya patut atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya;
- (b) mengadakan dan menyelenggarakan kemudahan-kemudahan bagi penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan atau berhubung dengan tugas-tugas Pusat itu;
- (c) membuat dan melaksanakan penyusunan-penyusunan sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Pusat itu dengan sekolah-sekolah, maktab-maktab, universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan lain, di Negara Brunei Darussalam dan juga di tempat lain;
- (d) memperkenalkan dan menganugerahkan fellowship, biasiswa, jawatan pensyarah, dermasiswa, medal, hadiah dan gelaran, penghormatan, anugerah dan bentuk bantuan yang lain terhadap pemajuan dan penyebaran pengetahuan mengenai Negara Brunei Darussalam dan perkara-perkara yang berhubungan dengan kepentingan Negara Brunei Darussalam;
- (e) menubuhan mesin cetak dan menerbitkan buku-buku dan terbitan-terbitan lain;
- (f) menganjurkan kursus-kursus dan program-program bagi, dan memberikan nasihat, khidmat pakar runding dan perkhidmatan kepada, sektor awam dan mana-mana orang lain di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain mengenai sebarang perkara yang berkaitan atau berhubung dengan tugas-tugas Pusat itu;
- (g) mengenakan bayaran atau komisen bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat itu dan bagi penggunaan mana-mana kemudahannya;
- (h) menggalakkan pembentukan atau perolehan apa-apa kepentingan dalam sebarang perusahaan;
- (i) membuat kontrak-kontrak sebagaimana yang mungkin perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perintah ini;
- (j) memperolehi dan memegang harta alih atau harta tak alih sebagaimana yang mungkin perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan bagi maksud-maksud yang sama boleh menjual, memajakkan, menggadaijanji atau pun selainnya memberi-milik atau melupuskan sebarang harta yang diperolehi itu;
- (k) menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi dan menggalakkan aktiviti-aktiviti rekreasi bagi, dan aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk,

kebijakan pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja Pusat itu dan ahli-ahli keluarga mereka; dan

(l) melakukan semua perkara sebagaimana yang mungkin perlu, bersampingan atau sesuai untuk mencapai semua atau sebarang tugas dan kuasanya.

(3) Bab ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mengehadkan sebarang kuasa Pusat itu yang diberikan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis.

Kuasa untuk menerima pemberian.

14. (1) Pusat itu boleh menerima melalui geran, pemberian, pelupusan perwasiatan atau pun selainnya, harta dan wang sebagai bantuan kewangan Pusat itu atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(2) Pusat itu hendaklah menyimpan suatu daftar bagi semua sumbangan kepada Pusat itu, termasuk nama-nama penderma dan sebarang syarat khas yang atasnya sebarang sumbangan mungkin telah diberikan.

(3) Sebarang harta, wang atau dana yang disumbangkan bagi sebarang tujuan tertentu hendaklah digunakan dan ditadbir menurut tujuan-tujuan ia disumbangkan dan hendaklah diperhitungkan secara berasingan.

Kuasa untuk meminjam dan melabur.

15. (1) Bagi melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini, Pusat itu boleh, dari masa ke semasa, mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan atau, dengan kebenaran Menteri Kewangan, mendapatkan pinjaman daripada bank-bank atau institusi-institusi kewangan lain (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain) dengan —

(a) gadaijanji, overdraf atau pun selainnya;

(b) cagaran, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, ke atas sebarang harta yang terletakhak pada Pusat itu atau ke atas sebarang hasil lain yang kena diterima oleh Pusat itu di bawah Perintah ini; dan

(c) mewujudkan dan mengeluarkan debentur, bon atau suratcara lain.

(2) Tertakluk kepada kebenaran Menteri Kewangan, Pusat itu boleh melaburkan dananya mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri Kewangan.

Lantikan, kuasa dan kewajipan Pengarah Eksekutif.

16. (1) Pusat itu hendaklah, dengan kebenaran Menteri, melantik seorang Pengarah Eksekutif atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pusat itu.

(2) Pengarah Eksekutif adalah ketua pegawai pentadbir dan akademik Pusat itu dan hendaklah bertanggungjawab terhadap —

(a) pentadbiran Pusat itu dengan betul menurut dasar Pusat itu;

(b) pengurusan akademik dan penyelidikan Pusat itu menurut dasar Pusat itu; dan

(c) tatatertib keseluruhan fellows, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Pusat itu;

dan bagi maksud-maksud tersebut Pengarah Eksekutif hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, mempunyai semua kuasa yang perlu atau berfaedah dan sah.

(3) Jika Pengarah Eksekutif tidak berada di Negara Brunei Darussalam, atau tidak dapat melaksanakan buat sementara kewajipan-kewajipannya, orang lain boleh dilantik oleh Pusat itu untuk bertindak bagi menggantikan Pengarah Eksekutif dalam tempoh ketiadaan atau ketidakmampuan Pengarah Eksekutif itu.

Perlindungan dari liabiliti diri.

17. Tiada guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dikemukakan sendiri terhadap mana-mana pegawai atau pekerja Pusat itu, ahli atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Pusat itu, atas apa-apa jua yang dilakukan dengan suci hati atau dimaksudkan untuk dilakukan dalam melaksanakan atau dikatakan dalam melaksanakan Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain.

Pegawai-pegawai dll. hendaklah dianggap kakitangan awam.

18. Semua pegawai dan pekerja Pusat itu dan ahli-ahli hendaklah dianggap sebagai kakitangan awam bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Dana Pusat.

19. Dana Pusat itu hendaklah terdiri daripada —

- (a) semua wang yang dibayar kepada Pusat itu di bawah bab 21;
- (b) semua wang yang diterima oleh Pusat itu melalui geran atau subsidi;
- (c) semua pemberian, derma dan sumbangan kepada Pusat itu;
- (d) semua bayaran, caj, komisen, sewa, faedah, dividen dan pendapatan lain yang terakru kepada Pusat itu;
- (e) semua wang yang dipinjam oleh Pusat itu di bawah Perintah ini;
- (f) semua wang yang didapatkan balik atau dipungut oleh Pusat itu atau mana-mana pegawai atau pekerjanya di bawah Perintah ini; dan
- (g) semua wang yang diterima secara sah oleh Pusat itu bagi maksud-maksud Pusat itu.

Penggunaan dana.

20. Dana Pusat itu hendaklah digunakan hanya bagi membayar atau melaksanakan perbelanjaan, kewajipan dan liabiliti Pusat itu dan bagi membuat sebarang pembayaran yang dibenarkan atau dikehendaki untuk dibuat oleh Pusat itu.

Bantuan.

21. (1) Menteri Kewangan hendaklah mengarahkan supaya dibayar kepada Pusat itu wang yang mungkin dibenarkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa sebagai bantuan kepada Pusat itu.

(2) Semua wang yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) boleh digunakan atau dibelanjakan oleh Pusat itu bagi semua atau sebarang maksud Pusat itu.

Penyata akaun dan kewangan.

22. (1) Pusat itu hendaklah —

- (a) menyimpan akaun-akaun dan rekod-rekod yang betul mengenai transaksi dan urusannya; dan

(b) melakukan semua perkara yang perlu untuk memastikan bahawa semua pembayaran dari dananya adalah dibuat dengan betul dan dibenarkan dengan sepatutnya dan bahawa kawalan yang mencukupi adalah diselenggarakan ke atas aset, atau dalam jagaan, Pusat itu dan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh Pusat itu.

(2) Pusat itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penutupan tiap-tiap tahun kewangan, menyediakan dan mengemukakan penyata-penyata kewangan berkaitan dengan tahun itu kepada juruaudit Pusat itu.

(3) Tahun kewangan Pusat itu hendaklah bermula pada 1hb. April setiap tahun dan berakhir pada 31hb. Mac tahun yang berikutnya.

Pengauditan akaun.

23. (1) Akaun Pusat itu hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh Juruaudit Agung atau oleh juruaudit lain sebagaimana yang mungkin dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Lembaga setelah berunding dengan Juruaudit Agung:

Dengan syarat bahawa jika akaun Pusat itu telah diaudit oleh seorang juruaudit selain daripada Juruaudit Agung, akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum akaun itu dikemukakan kepada Menteri Kewangan menurut bab 24.

(2) Seseorang itu tidak layak untuk dilantik sebagai seorang juruaudit di bawah ceraian (1) melainkan jika dia telah dibenarkan untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan seorang juruaudit di bawah Akta Syarikat (Penggal 39).

(3) Juruaudit itu hendaklah dalam laporannya menyatakan —

(a) sama ada penyata-penyata kewangan menunjukkan dengan betul transaksi kewangan dan keadaan urusan Pusat itu;

(b) sama ada perakaunan yang betul dan rekod-rekod lain telah disimpan, termasuk rekod-rekod semua aset Pusat itu, sama ada dibeli, didermakan atau pun selainnya;

(c) sama ada resit-resit, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset oleh Pusat itu dalam tahun kewangan adalah menurut Perintah ini; dan perkara-perkara lain yang berbangkit dari pengauditan itu sebagaimana yang dianggap perlu olehnya.

(4) Juruaudit itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh setelah akaun-akaun dikemukakan untuk diaudit dan dalam sebarang hal tidak lewat dari 6 bulan selepas akhir tahun kewangan, menghantar suatu laporan mengenai pengauditannya kepada Pusat itu.

(5) Juruaudit itu hendaklah mengemukakan laporan-laporan berkala dan khas kepada Menteri Kewangan dan Pusat itu yang pada pendapatnya diperlukan atau sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri Kewangan atau Pusat itu.

Pengemukaan penyata kewangan beraudit dan laporan juruaudit kepada Menteri Kewangan.

24. (1) Pusat itu hendaklah, sebaik sahaja akaun Pusat itu dan penyata-penya kewangan telah diaudit menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini, mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu salinan penyata-penya kewangan beraudit, yang telah ditandatangani oleh Pengerusi, berserta dengan satu salinan laporan juruaudit.

(2) Jika Juruaudit Agung adalah bukan juruaudit Pusat itu, salinan-salinan penyata kewangan beraudit dan laporan juruaudit hendaklah dihantar kepada Juruaudit Agung jika ia dikemukakan kepada Pusat itu.

Aturan-aturan.

25. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan sebagaimana yang mungkin perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan sebarang perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang mungkin ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 18 haribulan Mei, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM